

# Malaysia gesa henti keganasan di Sudan

## Anwar desak masyarakat antarabangsa bertindak tegas

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Saadiyah Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim bimbang dengan tragedi keganasan yang berlaku di El Fasher dan seluruh wilayah Darfur, Sudan.

Susulan kejadian berkenaan, Perdana Menteri menggesa keganasan di Sudan dihentikan serta-merta bagi memastikan keselamatan orang awam dipelihara sepenuhnya, selaras undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Katanya, apa yang sedang di-

saksikan ialah bencana kemanusiaan iaitu pembunuhan beramai-ramai, kebuluran serta pindasan yang berlaku pada skala amat menggerunkan hati nurani manusia.

"Laporan mengenai kekejaman yang berpotensi dianggap sebagai jenayah terhadap kemanusiaan, malah genosid adalah sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali.

"Malaysia menggesa supaya keganasan dihentikan serta-merta dan keselamatan orang awam dipelihara sepenuhnya selaras dengan undang-undang kemanusiaan antarabangsa," katanya dalam kenyataan di laman sosial, semalam.

Media melaporkan jutaan penduduk Sudan, terutama di bahagian barat yang musnah akibat perang saudara terus hidup dalam keadaan terdesak apabila pertempuran dan pembunuhan berterusan di bandar El-Fasher, ibu negeri Darfur Utara.


Walaupun penderitaan orang awam semakin meruncing, dua jeneral utama, Tentera Sudan (SAF) dan Pasukan Sokongan Pantas (RSF) masih menunjukkan tiada keinginan untuk menghentikan pertempuran.

Usaha rundingan gencatan senjata pihak pengantara antarabangsa setakat ini gagal menghasilkan sebarang kemajuan.

### Tuntut gencatan senjata

Sementara itu Malaysia bersama masyarakat antarabangsa menuntut supaya gencatan senjata dilaksanakan serta-merta di Sudan bagi menghentikan keganasan terhadap rakyat dan kebuluran.

Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata Malaysia mendesak RSF membuka laluan kemanusiaan supaya bantuan dan bekalan dapat disalurkan kepada penduduk di El Fasher dan semua kawasan yang terjejas di wilayah Darfur.



Pelarian berlindung di kawasan selamat selepas melarikan diri dari bandar Al-Fashir di Darfur. (Foto REUTERS)

Mohamad berkata, seluruh dunia sedang menyaksikan kekejaman RSF yang melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap rakyat Sudan dan mencetuskan satu krisis perpindahan serta kebuluran terbesar di dunia.

"Skala kekejaman yang diperlihatkan amat menjijikkan dan seperti yang ditunjukkan dalam imej satelit, yang memperlihatkan darah membasahi bandar El Fasher, noda darah sebenar terhadap seluruh kemanusiaan.

"Keadaan ini benar-benar ti-

dak dapat diterima sama sekali. Tindakan ganas yang tidak berperikemanusiaan ini mesti dihentikan segera.

"Dunia tidak boleh membiarkan berlakunya semula pembunuhan beramai-ramai yang berterusan di Darfur. Kita tidak boleh membenarkan babak paling gelap dalam sejarah berulang kembali," katanya dalam kenyataan.

Tentera Sudan dan RSF terlibat dalam peperangan sejak 15 April 2023.